

Hukum Mim Sakinah

1. Mim sakinah atau mim mati ialah huruf mim yang tidak berbaris sama ada baris atas, bawah atau hadapan.
2. Hukum mim sakinah terbahagi kepada tiga, iaitu:

Idgham mislain

- Idgham mislain ialah apabila mim sakinah bertemu dengan huruf م.
- Cara bacaan: Memasukkan bunyi mim ke dalam mim yang berbaris serta dengung.
- Contoh: أَوَلَدَهُمْ مِّنَ اللَّهِ شَيْئًا وَأُولَئِكَ هُمْ وَقُودُ النَّارِ

Ikhfak syafawi

- Ikhfak syafawi ialah apabila mim sakinah bertemu huruf ب.
- Cara bacaan: Menyembunyikan bunyi mim serta dengung.
- Contoh: لَكُمْ بَعْضُ الَّذِي حُرِّمَ عَلَيْكُمْ

Izhar syafawi

- Izhar syafawi ialah apabila mim sakinah bertemu dengan huruf selain ب dan م.
- Cara bacaan: Bunyi mim disebut dengan jelas tanpa dengung.
- Contoh: وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿١٠﴾